

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1991/92

Mac/April 1992

HSC 232 Tinjauan Sejarah China

Masa: [3 jam]

Kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN [8] soalan dalam DUA [2] muka surat.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Apakah yang anda fahami dengan "feudalisme China"? Bincangkan sifat dan peranan "feudalisme" di China dalam zaman-zaman sebelum abad ke-7 Masehi.
2. "Di China tradisional orang-orang bukan China dikatakan dipandang rendah oleh masyarakat dan budaya China. Namun, orang-orang bukan China telah pernah menguasai China dan memainkan peranan penting di dalam perkembangan sejarahnya". Bincangkan.
3. Buat satu analisis secara bandingan di antara China pada zaman Ming dengan China pada zaman Han.
4. "Sungguhpun banyak catatan dan karya sejarah dihasilkan di China tradisional, namun cara dan matlamat ia dihasilkan menjejaskan mutu persembahan dan kesejarahan tulisan-tulisan yang dihasilkan itu". Nilai pandangan ini.
5. "Sistem pendidikan dan peperiksaan awam di China tradisional bukan sahaja memberi peluang sama rata kepada setiap orang China untuk mencapai kedudukan tinggi di dalam masyarakatnya tetapi juga menjadikan masyarakat dan negara China itu maju dan mampu menghadapi perubahan-perubahan semasa". Bahaskan.

6. "Kungfutzisme adalah aliran pemikiran golongan bangsawan dan cendekiawan, Mohisme adalah aliran pemikiran golongan yang tertindas manakala Aliran Kanun adalah aliran pemikiran golongan raja-raja". Dengan dalil-dalil dan contoh-contoh yang sesuai bincangkan pernyataan ini.

7. "Perubahan sentiasa berlaku di China tradisional tetapi ia hanyalah umpama pindaan-pindaan pada rumah lama, rumah itu tetap dengan watak lamanya". Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan ini?

8. Buat satu penilaian secara kritis terhadap isi dan pendekatan sama ada buku The Pattern of the Chinese Past oleh Mark Elvin (Stamford, 1973) atau A History of China oleh W. Eberhard (Berkeley, 1969).

-oooOOoooo-